



20 Mei 2016  
20 May 2016  
P.U. (A) 130

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERINTAH JALAN-JALAN PERSEKUTUAN (PENGURUSAN PERSENDIRIAN) (PUNGUTAN TOL) (LEBUH RAYA SEREMBAN-PORT DICKSON) (PINDAAN) 2016

### *FEDERAL ROADS (PRIVATE MANAGEMENT) (COLLECTION OF TOLLS) (SEREMBAN-PORT DICKSON EXPRESSWAY) (AMENDMENT) ORDER 2016*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA JALAN-JALAN PERSEKUTUAN (PENGURUSAN PERSENDIRIAN) 1984

PERINTAH JALAN-JALAN PERSEKUTUAN (PENGURUSAN PERSENDIRIAN)  
(PUNGUTAN TOL) (LEBUH RAYA SEREMBAN-PORT DICKSON) (PINDAAN) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 2 Akta Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) 1984 [*Akta 306*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) (Pungutan Tol) (Lebuh Raya Seremban-Port Dickson) (Pindaan) 2016**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 12 Januari 2012.

**Pindaan perenggan 2**

2. Perintah Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) (Pungutan Tol) (Lebuh Raya Seremban-Port Dickson) 2004 [*P.U. (A) 326/2004*], yang disebut “Perintah ibu” dalam Perintah ini, dipinda dalam subperenggan 2(1)—

(a) dengan menggantikan perkataan “Projek Lebuh Raya Utara-Selatan Berhad” dengan perkataan “Projek Lebuh Raya Usahasama Berhad”;

(b) dengan menggantikan perkataan “1 Januari 2005 sehingga 31 Mei 2030” dengan perkataan “12 Januari 2012 sehingga 31 Mei 2038”;

(c) dengan menggantikan perkataan “ruang (2) Bahagian I dan II Jadual Pertama mengikut tahun-tahun konsesi yang dinyatakan dalam ruang (1) Bahagian I dan II Jadual Pertama” dengan perkataan “ruang (2) Jadual Pertama”; dan

- (d) dengan menggantikan perkataan “ruang (2) Bahagian I dan II” dengan perkataan “ruang (1)”.

### **Penggantian Jadual Pertama**

3. Perintah ibu dipinda dengan menggantikan Jadual Pertama dengan Jadual yang berikut:

#### “JADUAL PERTAMA

[Subperenggan 2(1)]

#### KADAR TOL BAGI TEMPOH 12 JANUARI 2012 HINGGA 31 DISEMBER 2016

| (1)<br><i>Kelas Kenderaan</i>   | (2)<br><i>Tol Kena Dibayar (RM)</i> |  |
|---|-------------------------------------|--|
|   | <i>Plaza Tol Mambau</i>             | <i>Plaza Tol Lukut Timur dan Barat</i> |
| 1. Kenderaan yang mempunyai dua gandar dan tiga atau empat roda (kecuali teksi dan bas) | 3.20                                | 0.80                                   |
| 2. Kenderaan yang mempunyai dua gandar dan lima atau enam roda (kecuali bas)            | 6.30                                | 1.40                                   |
| 3. Kenderaan yang mempunyai tiga gandar atau lebih (kecuali bas)                        | 9.50                                | 2.20                                   |
| 4. Teksi  | 3.20                                | 0.80                                   |
| 5. Bas  | 6.30                                | 1.40                                   |

Bagi maksud mengira bilangan gandar dan roda sesuatu kenderaan, gandar dan roda mana-mana treler yang ditarik oleh kenderaan itu hendaklah dikira sebagai sebahagian daripada gandar dan roda kenderaan itu.”.